



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
BIL. 41 / 2022

PERMOHONAN UNDI POS DALAM DAN LUAR
NEGARA BAGI PILIHAN RAYA UMUM KE-15
(PRU KE-15) BAHAGIAN PILIHAN RAYA
PARLIMEN P.017 PADANG SERAI

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan permohonan undi pos untuk Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU Ke-15) Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.017 Padang Serai telah **dibuka pada 18 November 2022 (Jumaat)** dan **ditutup pada 22 November 2022 (Selasa)**.
2. Untuk permohonan undi pos bagi **Kategori 1A** (Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, Anggota Polis, Anggota Tentera, dan Petugas Media), hendaklah memohon secara manual menggunakan **Borang 1A yang dimuat turun dari portal rasmi SPR** di <https://www.spr.gov.my>, dan dihantar ke Pejabat Pegawai Pengurus P.017 Padang Serai.
3. Bagi permohonan undi pos **kategori 1B (warganegara Malaysia yang berada di luar negara)** dan **Kategori 1C Agensi /**

Organisasi) dilaksanakan **secara dalam talian (online)**. Untuk pertanyaan atau penjelasan lebih lanjut boleh hubungi **Unit Pengurusan Undi Pos** di talian **03-8892 7040**.

Sekian, harap maklum.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

18 November 2022 / 23 Rabiulakhir 1444H